MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI RABU, 20 JUN 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1252-L50218
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan banduan-banduan yang terlibat di dalam Program Pemasyarakatan Banduan serta apakah kejayaan yang telah dicapai dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperluaskan program tersebut.

2. PR-1252-L50420
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah sikap Kerajaan dalam menjalin hubungan dengan Negara-negara Timur Tengah yang baru membentuk Kerajaan selepas *"Arab Spring"* yang berlaku dalam tempoh setahun yang lepas.

3. PR-1252-L49219
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha konkrit pihak pengurusan RISDA untuk mengukuhkan lagi amalan prinsip *"good governance"*, ketelusan dan integriti dalam menguruskan pembelian/penjualan buah kelapa sawit para pekebun kecil RISDA.

4. PR-1252-L49949
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kegunaan bahan tenaga untuk penjanaan elektrik di seluruh negara. Apakah perancangan Kerajaan/Kementerian untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

5. PR-1252-L50606
Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan industri hartanah di Malaysia selepas tahun 2008 didapati melambung tinggi dan sukar di mampu milik oleh masyarakat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menetapkan harga syiling dalam industri hartanah.

6. PR-1252-L49965
Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kedudukan Parlimen Belia di dalam Perlembagaan dan bagaimanakah perwakilan dipilih serta minta dibentangkan kajian kos bagi menjalankan rancangan ini.

7. PR-1252-L49415
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) jumlah penerima Bantuan Tabung Amanah Warisan Polis; dan

(b) jumlah permohonan yang ditolak dan punca-punca utama kegagalan permohonan.

8. PR-1252-L50350
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kedudukan Malaysia di pasaran sawit antarabangsa sepanjang tahun 2012 serta tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk menstabilkan harga sawit negara.

9. PR-1252-L49298
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan boleh membantu pekerja swasta di syarikat-syarikat kecil dan tanpa slip gaji boleh meminjam keperluan wang seperti membeli rumah dan kenderaan kerana selama ini hak mereka dinafikan.

10. PR-1252-L49255
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menyedarkan rakyat terhadap bantuan-bantuan yang disediakan dan kriteria-kriteria yang membolehkan mereka mendapat bantuan oleh Kementerian.

11. PR-1252-L49587
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang dilaksanakan untuk membendung penularan ajaran sesat di negara ini, termasuk yang berselindung di sebalik pelbagai institusi keagamaan.

12. PR-1252-L50232
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) apakah tujuan Kerajaan mensyaratkan ibu bapa menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebelum mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dari 2008 hingga 2011 dan berapakah jumlah yang terkumpul; dan

(b) adakah Kerajaan menggunakan wang simpanan SSPN sebagai wang pinjaman kepada PTPTN.

13. PR-1252-L49688
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan 46,698 lepasan SPM yang ditawarkan memasuki program asasi dan diploma tidak menghadapi masalah untuk membayar yuran pengajian dan sejauh manakah bantuan kewangan pelajar asasi IPTA yang disediakan mampu meringankan beban pelajar.

14. PR-1252-L49573
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa terdapat lebih banyak kes asma dan penyakit pernafasan di Bintulu berbanding dengan pekan/bandar-bandar lain di Sarawak. Adakah penyakit ini disebabkan oleh Loji MLNG, Loji Asean Bintulu Fertilisers Sdn Bhd dan kilang-kilang kayu di Bintulu. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

15. PR-1252-L50406
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan mengambil guru Bahasa Inggeris dari luar negara bahkan di dalam negara ada banyak pesara cikgu Bahasa Inggeris.

16. PR-1252-L49306
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan Kementerian mengambil masa terlalu lama untuk menarik balik PPSMI, keadaan ini membayangkan ketidaksungguhan Kementerian untuk menarik balik program ini, dan dalam masa yang sama Kementerian telah tidak lagi memberi peruntukan untuk memastikan program ini dapat dilaksana secara sempurna. Apakah pendirian Kementerian dalam soal ini.

17. PR-1252-L49285
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan memandangkan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu, berapakah jumlah pelaburan luar yang datang ke Malaysia dan apakah terdapat kesan akibat dari persaingan dengan negara-negara lain di rantau ini.

18. PR-1252-L49845
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi pembaharuan dan pengeluaran mata wang yang diamalkan berkaitan mata wang kertas serta siling negara untuk edaran dan apakah maksud-maksud paparan pada muka wang-wang tersebut.

19. PR-1252-L49637
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 11 Jun 2012 dan nyatakan jumlah tunggakan balik pinjaman bagi tempoh berkenaan.

20. PR-1252-L50712
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Jabatan Pengangkutan Jalan membenarkan pemilik-pemilik lesen sewa kereta (tanpa pemandu) dioperasikan sebagai teksi di Lapangan Antarabangsa Kuching.

21. PR-1252-L49801
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan pelaksanaan J-Qaf di sekolah menengah dan seterusnya memartabatkan pendidikan Islam di negara ini.

22. PR-1252-L50295
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan terkini Projek Rancangan Pengairan Bukit Sena Padang Terap. Sila nyatakan kos terkini serta masalah yang berlaku ketika ini dan cadangan penyelesaian segera.

23. PR-1252-L50048
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembesaran Hospital Segamat akan dibuat memandangkan tapak bersebelahan kepunyaan RTM telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada awal tahun ini.

24. PR-1252-L49506
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) bilangan pelajar mengikut kaum di Sekolah Kebangsaan; dan

(b) bilangan Guru-guru Besar dan guru-guru mengikut kaum di Sekolah Kebangsaan.

25. PR-1252-L50042
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf jalan raya-jalan raya di daerah Kinabatangan seperti Jalan Raya Kampung Sinar Jaya, Jalan Raya Kampung Kuamut, Jalan Raya Kampung Balat, Jalan Raya Kampung Karamuak, Jalan Raya Kampung Bangkulat-Mangkawagu dan Jalan Raya Kampung Buang Sayang.

26. PR-1252-L49933
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaikkan jumlah penghakiman yang boleh dikenakan tindakan kebangkrapan dari RM30,000 kepada RM50,000 dan apakah rasional kenaikan jumlah tersebut.

27. PR-1252-L50582
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) adakah pihak Kementerian mengambil berat tentang gejala buli atau ugut yang berlaku di sekolah yang melibatkan bukan sahaja pelajar lelaki tetapi juga pelajar perempuan; dan

(b) adakah pihak Kementerian mempunyai program atau kursus khas yang berkesan untuk pelajar-pelajar yang menghadapi masalah ketidakseimbangan dari segi mental dan emosi yang secara langsung mempunyai kecenderungan kepada gejala sosial.

28. PR-1252-L50762
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peruntukan pembelian 257 buah AV-8, enam SGPV dan empat buah A400M dalam pecahan seperti persenjataan, latihan dan logistik, pembuatan dan offset.

29. PR-1252-L49349
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Majlis Fatwa Kebangsaan dalam mengawal pendapat-pendapat penceramah agama dalam memberi jawapan yang dianggap sebagai fatwa oleh masyarakat awam.

30. PR-1252-L49540
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan-rancangan untuk memperbaiki kualiti dan piawai guru-guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

31. PR-1252-L49771
Datuk Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas lebih 50 peratus restoran termasuk kopitiam di sekitar Lembah Klang yang dikesan masih menggunakan sijil halal yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

32. PR-1252-L49438
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani ajaran sesat. Berapakah jumlah mereka yang terlibat mengikut negeri.

33. PR-1252-L49423
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah bentuk pendidikan berterusan yang diberikan kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mempertingkatkan kepakaran dan kesiagaan ATM di dalam menghadapi cabaran dunia moden pada hari ini.

34. PR-1252-L50318
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dasar Kerajaan dalam menggunakan media sosial seperti Facebook dan Twitter untuk mendekati dan menyampaikan serta menjelaskan dasar-dasar Kerajaan kepada golongan remaja yang mahir IT. Jelaskan langkah-langkah dalam mengukur sokongan sebenar generasi muda terhadap Kerajaan.

35. PR-1252-L50535
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang lahir di luar negara sejak tahun 1957 hingga 1990, serta nyatakan negara mereka dilahirkan.

36. PR-1252-L50930
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah pekerja Khazanah sebelum dan selepas Jun 2004 dan jumlah perhitungan terperinci kos gaji, bonus yang dibayar kepada semua pekerja bagi setiap tahun dari 2002 sehingga 2011, kesemua gaji tahunan keseluruhan termasuk ganjaran untuk setiap tahun dari 2003 hingga Jun 2004 dan untuk Pengarah Urusan Khazanah dan Pengarah Eksekutif, iaitu Dato' Mohammad Zainal Shaari, En Ganen Sarvanathan, En Ben Chan, Michael Jude Fernandes, En Joseph Dominic Silva, Dato' Nungsari Ahmad Radhi, Dato' Noorazam Abd Aziz, En Keneth Shen, En Mohd Izani Ghani dan En Ahmad Farouk Mohammed daripada Jun 2004 hingga 2012; dan

(b) perhitungan terperinci kos fi konsultan yang dibayar oleh Khazanah bagi tahun 2001, 2002, 2003, dari 1 Januari 2004 hingga 31 Mei 2004, dari 1 Jun 2004 hingga 31 Disember 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

37. PR-1252-L49715
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah perbelanjaan tambahan yang digunakan dalam melaksanakan gaji minimum.

38. PR-1252-L50019
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa bacaan meter bagi bekalan elektrik tidak dibuat setiap bulan dan bil dikeluarkan sekarang berdasarkan anggaran penggunaan bulanan yang membebankan orang ramai apabila menerima bil sebenar tiga bulan sekali.

39. PR-1252-L49828
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengkaji balik pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan pendekatan yang lebih bersepadu di peringkat sekolah lagi.

40. PR-1252-L49860
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan membantu membina kompleks sukan di kawasan Sadong Jaya dan Simunjan bagi membolehkan belia berkumpul menjalani latihan sukan dengan sempurna.

41. PR-1252-L50256
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan atau kajian bagi menggantikan penggunaan diesel kepada sumber yang lebih mesra alam dan menjimatkan kos bagi penggunaan kenderaan dan jentera berat seperti bas, lori dan sebagainya.

42. PR-1252-L50904
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mencari pelaburan baru di negara-negara ketiga seperti Myanmar, Kemboja, Laos serta beberapa negara di benua Afrika.

43. PR-1252-L50154
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan maklum balas dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terhadap Pelan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan berapa nisbah bahasa-bahasa rujukan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

44. PR-1252-L49883
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warga asing yang diberi status kerakyatan setiap tahun mulai tahun 2008-2012, mengikut negeri bermastautin.

45. PR-1252-L49491
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) apakah projek-projek perumahan untuk generasi kedua FELDA yang telah dibuat dan akan dilaksanakan di Parlimen Jempol; dan

(b) bilakah projek perumahan Felda Jaya Fasa 2 akan mula dilaksanakan. Berapakah unit yang terlibat dan berapa anggaran harga seunit rumah.

46. PR-1252-L50819
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada YAB. Perdana Menteri akan memohon maaf dan menarik balik kata-kata kasar 'haram jadah' yang dihamburkannya dalam ucapan beliau di Felda Jengka 8, Jerantut pada 8 Mei lalu.

47. PR-1252-L50989
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) usaha-usaha Kementerian dalam membanteras masalah orang hilang yang kian meningkat kebelakangan ini; dan

(b) berikan pecahan kes yang dilaporkan hilang dan berapa yang dijumpai semula dari tahun 2008 hingga 2011.

48. PR-1252-L49226
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah fenomena mengenai kenaikan harga rumah kadar kenaikan tahunan, harga semua jenis rumah kediaman di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan George Town Pulau Pinang, bagi 3 tahun yang lalu sejak tahun 2010, dan apakah peratusan pemilikan orang asing.

49. PR-1252-L50858
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendatang haram dan pemberian kad pengenalan palsu yang berlaku di seluruh negara seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

50. PR-1252-L49204
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) sebab-sebab kadar gaji minimum di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia tidak seragam; dan

(b) jenis-jenis masalah yang bakal dihadapi oleh pihak majikan bila mana dasar gaji minimum ini dikuatkuasakan.

51. PR-1252-L49284
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah wang yang dibayar setiap tahun kepada pewaris Sultan Sulu atau Kerajaan Filipina atas tuntutan ke atas Sabah. Jelaskan juga sama ada ia merupakan sewa dan adakah usaha-usaha Kerajaan Malaysia menyelesaikan masalah tuntutan yang sudah begitu terbiar.

52. PR-1252-L49270
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelaksanaan Skim Pengkomersialan Inovatif Patuh Syariah:-

(a) nyatakan semua syarat dan keperluan pertimbangan untuk skim ini; dan

(b) adakah kuota kaum terpakai dalam pertimbangan kelulusan skim ini.

53. PR-1252-L50332
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan butiran terperinci mengenai program promosi pelancongan di Belanda pada bulan Mei 2012 termasuk butiran kos yang terlibat, kos untuk lawatan Menteri dan hasil yang dikecapi daripada promosi tersebut.

54. PR-1252-L50572
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pencapaian dan status terkini pelaksanaan Program Saringan Literasi dan Numerasi (Linus) sejak ia dilaksanakan.

55. PR-1252-L50309
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat/faedah yang bakal diperoleh oleh masyarakat di Langkawi terutamanya bagi golongan nelayan, penternak dan peladang serta pengusaha pelancongan menerusi Langkawi Tourism Blueprint.

56. PR-1252-L50809
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak Kerajaan yang mahu menubuhkan Akademi Undang-Undang agar kewujudan akademi ini nanti dapat menyatukan mereka yang berlatar belakang undang-undang dengan lebih sistematik.

57. PR-1252-L49374
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan terhadap larangan penggunaan lampu berwarna-warni pada kenderaan kerana mengganggu fokus dan penglihatan pemandu lain dan dilihat sebagai antara faktor penyumbang kepada peningkatan kemalangan jalan raya di negara ini.

58. PR-1252-L50591
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kementerian sanggup menghulurkan subsidi untuk menampung kos pengangkutan barangan ke kawasan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak agar mengurangkan jurang perbezaan harga barangan antara kawasan tersebut dengan Semenanjung. Jika ya, bila dan berapa jumlah anggarannya. Jika tidak, mengapa.

59. PR-1252-L49229
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua terma-terma penyelesaian yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerajaan Pusat dan Petronas apabila saman tuntutan royalti petroleum terhadap Petronas dan Kerajaan Malaysia ditarik balik oleh Kerajaan Terengganu baru-baru ini.

60. PR-1252-L49383
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada ekuiti dan kuasa pengurusan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah diberikan kepada anak syarikat milikan Syed Mokhtar Al-Bukhary. Kenapa permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil alih PPSB tidak diberi pertimbangan yang wajar.

61. PR-1252-L50743
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaikkan taraf perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur Semenanjung dan membuka laluan-laluan baru kereta api termasuk di Sabah dan Sarawak.

62. PR-1252-L50191
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah proses kesediaan guru untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

63. PR-1252-L49743
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemajuan pelaksanaan Koridor Sabah di setiap daerah / zon dan jumlah nilai kewangan yang telah dilaburkan serta bilangan pekerjaan yang diwujud dan diperlukan.

64. PR-1252-L50732
Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan ke atas media cetak dan elektronik yang memaparkan aksi-aksi mengghairahkan dan berbaur lucah untuk tatapan umum.

65. PR-1252-L49940
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

(a) status terkini dan faedah pembinaan Loji Rawatan Air Bayong, Sarikei; dan

(b) status penukaran paip air jenis AC kepada HDPE di Sarikei.

66. PR-1252-L50921
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah sebenar penerima FELDA yang menerima imbuhan "Durian Runtuh" FELDA sebanyak RM15,000 seorang mengikut pecahan negeri dan apakah kesan yang ketara bagi golongan ini.

67. PR-1252-L50160
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota PDRM luar bandar yang ditugaskan di Kuala Lumpur/Selangor semenjak Ops Payung dilancarkan dan di manakah mereka ditempatkan dan kos yang terperinci sepanjang Ops Payung.

68. PR-1252-L50769
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah klinik di Kampung Semop, Pulau Bruit akan dibina.

69. PR-1252-L49826
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan pemulihan dan permohonan baru menubuhkan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang diterima. Nyatakan sebab mengapa kelulusan belum diberikan.

70. PR-1252-L50673
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPRM bekerjasama sepenuhnya dengan ICAC Hong Kong menyiasat kes Michael Chia yang berkaitan dengan Ketua Menteri Sabah dan apakah hasil kerjasama dwi-negara.

71. PR-1252-L50089
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah formula yang telah digunakan untuk mencapai keputusan gaji minimum bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

72. PR-1252-L50394
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) asas penilaian semula hartanah 1MDB daripada RM194 juta kepada RM1.02 bilion atau 426% dalam jangka masa 1 tahun sahaja untuk merekodkan keuntungan RM544 juta; dan

(b) lokasi dan deskripsi hartanah tersebut.

73. PR-1252-L50834
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah pendidikan dan penguatkuasaan yang diambil dalam memastikan pengurangan dalam kadar kemalangan, kecederaan dan kematian melibatkan kenderaan berat seperti lori dan bas.

74. PR-1252-L49717
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

(a) program dan pendekatan baru yang Kementerian lakukan sehingga kini dalam menyelesaikan masalah sosial generasi muda di negara ini; dan

(b) apakah imej generasi muda Malaysia yang hendak dibentuk oleh Kementerian.

75. PR-1252-L49816
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kes aduan No. 50/2011 yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sitiawan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia di Ipoh berkenaan dengan penyelewengan pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri Perak.

76. PR-1252-L50557
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan berkenaan rekomendasi-rekomendasi SUHAKAM berkait dengan 4 inkuiri tentang pengendalian perhimpunan aman. Nyatakan juga mengapa SUHAKAM tidak dipilih untuk menyiasat perhimpunan aman Bersih 3.0.

77. PR-1252-L50127
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha untuk membantu pekebun-pekebun sayur untuk meringankan beban mereka.

78. PR-1252-L49334
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan aduan kesatuan sekerja terhadap majikan yang bersikap *'Union Busting'*, dan tindakan Kementerian terhadap majikan yang telah melakukan kesalahan tersebut.

79. PR-1252-L50505
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Fatwa tentang perhimpunan Bersih 3.0 dibuat secara rasmi dan telah digazetkan.

80. PR-1252-L49588
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) kriteria yang ditetapkan bagi majikan-majikan untuk pelaksanaan gaji minimum RM800 di Sabah. Adakah gaji minimum ini terpakai pada kesemua pekerja-pekerja tempatan dan asing, pekerja-pekerja yang berkemahiran atau kurang berkemahiran, terutama sekali dalam sektor industri perkhidmatan; dan

(b) bilakah gaji minimum akan dilaksanakan, dan adakah pendapat awam diperoleh sebelum pelaksanaannya.

81. PR-1252-L50947
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa laluan bertingkat *(flyover)* di persimpangan lalu-lintas di Jalan Kolam, Batu 5 1/2 dan Sepanggar tidak dibina untuk meringankan keadaan kesesakan lalu-lintas. Jika ya, bilakah projek ini boleh bermula.

82. PR-1252-L50729
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Jawatankuasa Aduan SPRM dan sama ada tindakan akan diambil terhadap Hishamuddin Hashim, Mohd Anuar Ismail dan Mohd Ashraf Mohd Yunus, dan 10 pegawai SPRM yang memberikan keterangan palsu di Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, seperti Raymond Niok anak John Timban dan Bulkini Paharuddin.

83. PR-1252-L50467
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan macam mana Kerajaan menangani masalah kekurangan pekerja kilang yang serius yang dihadapi oleh pelabur dan pekilang di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan sektor perladangan.

84. PR-1252-L50174
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

(a) apakah status projek Villaria Kondominium, projek perumahan Taman Desaria, Fasa 6A, Jalan Klang Lama yang terbengkalai sejak 1998; dan

(b) bilakah projek ini akan disiapkan.

85. PR-1252-L50875
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai hasrat untuk membina jalan raya di kawasan Skim Sepupok Niah sepanjang 20km menggunakan konsep yang sama diilhamkan oleh YAB. Perdana Menteri di kawasan Saeh, Niah melalui projek Jiwa Murni Angkatan Tentera Malaysia.

86. PR-1252-L49644
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) apakah status terkini dan tindakan yang telah diambil mengenai laporan polis Dengkil Repot/ 001196/09 mengenai perbuatan jenayah rogol seorang pensyarah berstatus Profesor ke atas seorang pelajar wanita UPM; dan

(b) mengapakah selepas tiga tahun kes ini masih lagi belum diambil tindakan pendakwaan dan adakah benar dakwaan menyatakan pihak berkuasa tidak bercadang mengambil tindakan kerana membabitkan orang atasan.

87. PR-1252-L50658
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan undang-undang yang digunakan untuk melindung keselamatan negara. Apakah jenis ancaman dan langkah-langkah untuk mencegah penyalahgunaan undang-undang ini.

88. PR-1252-L50965
Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keciciran pelajar Orang Asli dan Bumiputera di seluruh negara dalam tempoh 2005 hingga 2012.

89. PR-1252-L49675
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) bilangan warga asing yang memohon Kad Pengenalan Permastautin Tetap (merah) daripada 1 Januari 2011 sehingga kini; dan

(b) bilangan pemohon yang telah diluluskan.

90. PR-1252-L50687
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah punca perkampungan Benawa Sarawak yang berusia 80 tahun tapi masih tidak disediakan kemudahan air, elektrik dan jalan raya sehingga kini.

91. PR-1252-L49866
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarikat manakah di bawah Khazanah Nasional Berhad yang akan dijual kepada Bumiputera, apakah proses dan tatacara dalam proses penjualan dan pembelian itu, dari mana sumber kewangan untuk aktiviti penjualan dan pembelian tersebut.

92. PR-1252-L50842
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-

(a) jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan/penambahbaikan SJKT sejak tahun 2008 sehingga kini; dan

(b) senarai terperinci sekolah-sekolah yang telah menerima bantuan tersebut sejak tahun 2008 sehingga kini.

93. PR-1252-L49176
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan polisi serta tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap keganasan haiwan peliharaan untuk mengelakkan tragedi yang berlaku pada Yip Sun Wah dari berlaku lagi.

94. PR-1252-L49804
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menambah/merekrut pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk mengisi kekosongan di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak demi untuk keberkesanan penguatkuasaan.

95. PR-1252-L50285
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak Imigresen tidak meluluskan secara automatik permohonan Pas Khas oleh Encik Kway Kway Oo, seorang pekerja asing daripada Myanmar yang sedang menunggu kes beliau terhadap majikannya New Zonie Enterprise dirujuk oleh Menteri Sumber manusia ke Mahkamah Perindustrian.

96. PR-1252-L49623
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

(a) jumlah kes dan nilai kecurian ubat-ubatan di hospital Kerajaan antara tahun 2008 hingga 2011 serta pendakwaan kes-kes kecurian ini; dan

(b) langkah-langkah bagi mengelakkan penyelewengan kecurian dalam stor farmasi di hospital-hospital Kerajaan.

97. PR-1252-L50457
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan Kerajaan menarik balik pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) baru-baru ini.

98. PR-1252-L49541
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan cadangan pembangunan semula tapak-tapak rumah pangsa DBKL seluruh Wilayah Persekutuan dengan menyatakan jumlah unit terlibat, harga rumah yang mampu dijual, pakej tawaran yang disediakan, tempoh projek berjalan dan apakah penyelesaian ke atas bantahan-bantahan penduduk.

99. PR-1252-L49716
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada beliau akan menggunakan kuasanya untuk meminta konsensi menerima semula perkhidmatan penstrukturan semula perkhidmatan air di Selangor dan memastikan syarikat konsensi mencari jalan penyelesaian holistik seperti yang termaktub dalam Seksyen 191 (5) Akta WSIA 2006 di mana kepentingan awam diutamakan dan sekiranya tidak, mengapa.

100. PR-1252-L50385
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kadar cukup tenaga elektrik dalam negara untuk 5 tahun akan datang dan dari sumber mana serta peratusan dari sumber tenaga boleh baharu.

101. PR-1252-L49489
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah Oratis Sdn. Bhd. dilantik dan syarat-syarat kontraknya. Apakah Kementerian menyedari bahawa ubat jenis *"cold chain"* item adalah tidak sesuai untuk di pos laju serta perkhidmatan Oratis telah menaikkan perbelanjaan Kementerian.

102. PR-1252-L50433
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status kajian Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) merangkumi dari bahan api fosil dan tenaga boleh diperbaharui dalam memastikan kestabilan pembekalan tenaga di Malaysia.

103. PR-1252-L49199
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah setakat ini jumlah pra sekolah yang telah dibina sepanjang tempoh 2010-2012 di Parlimen Sri Aman.

104. PR-1252-L50110
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Suruhanjaya Khas untuk mengkaji semula perkhidmatan awam sepertimana yang dicadangkan Perdana Menteri pada 8 Mac 2012.

105. PR-1252-L50789
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tiga tahun yang lalu, Kerajaan Malaysia telah menyerahkan semua tanah milik Keretapi Tanah Melayu (di Singapura) kepada Kerajaan Singapura, minta pihak Kerajaan memperincikan hasil usaha sama perniagaan yang telah berjaya dijanakan ekoran daripada usaha penyerahan tersebut, dan apakah rancangan jangka panjang yang telah disediakan.

106. PR-1252-L50277
Datuk Wira Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pembelaan bagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berhenti perkhidmatan dan menyambung perkhidmatan awam yang lain di mana apabila faedah persaraan mereka tidak mengambil kira tempoh perkhidmatan mereka di dalam pasukan beruniform itu seperti pasukan tentera, bomba dan pasukan beruniform yang lain.

107. PR-1252-L49431
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai "pemburuan" seramai 22 pelajar institusi pengajian tinggi yang menyertai Perhimpunan Bersih 3.0, lantas menyekat autonomi para pelajar dan menafikan hak asasi kebebasan berhimpun kepada mereka sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

108. PR-1252-L49747
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak dan kadar impak tersebut kepada pertumbuhan ekonomi, aliran masuk pelaburan asing dan dagangan luar negara unjuran daripada krisis hutang dan ekonomi dan pertumbuhan yang melanda benua Eropah ketika ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 27/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 **[Menteri Kewangan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
2.	(D.R. 19/2012)	Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18 Jun, 2012)** **[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]**	
3.	(D.R. 25/2012)	Rang Undang-undang Pelindung (Pindaan) 2012 **[Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
4.	(D.R. 26/2012)	Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 **[Menteri Sumber Manusia]**	"

5. PR-1252-U49220
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pelbagai program tajaan kerajaan seperti program 1Azam, telah banyak memberikan manfaat kepada rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan disenaraikan dalam senarai e-kasih. Program eredikasi kemiskinan ini telah melangkau jauh dalam meningkatkan ekonomi masyarakat terutama sekali masyarakat luar bandar". Dan mengambil maklum bahawa senarai e-kasih yang ada pada ketika ini hanya mendaftarkan kebanyakkannya, ketua isi rumah tetapi tidak mendaftarkan isi rumah, misalnya anak-anak mereka. Dan mengambil maklum bahawa, satu daripada syarat utama untuk memohon untuk mengikuti program 1Azam, pemohon hendaklah dari kalangan mereka yang telah didaftarkan dalam senarai e-kasih. Dan mengambil maklum juga bahawa faktor-faktor ini telah menghadkan peluang-peluang bagi isi rumah senarai e-kasih, bagi mengikuti program eredikasi kemiskinan tajaan Kerajaan seperti program 1Azam. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar dapat memberikan kelonggaran syarat kemasukan bagi program erediksi kemiskinan tajaan Kerajaan, misalnya program 1Azam, agar kumpulan sasar ini dapat mengikuti program tersebut dan sekali gus merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan negara sifar kemiskinan menjelang tahun 2020. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

6. PR-1252-U49224
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa daripada 10 kawasan pemuliharaan utama (Priority Conservation Area-PCA) yang terdapat dalam kawasan Rantau-ECO Marin (Marine Ecoregion) di Lautan Sulu dan Lautan Suluwesi, 3 kawasan yang dimaksudkan terletak di negeri Sabah yang dilabelkan sebagai kawasan merah, yakni kawsan yang terkaya dengan kepelbagaian hidupan marin"Dan mengambil maklum bahawa, antara lain kepelbagaian hidupan marin ini adalah merangkumi 3500 spesis ikan, terumbu karang, 7 spesis penyu, dolphine dan paus.Dan mengambil maklum bahawa Taman Marin Tun Mustapha di Banggi Kudat, Trusan Kinabatangan, di Sandakan dan Darvel Bay di Tawau merupakan nadi utama hidupan dan ekosistem marin di negara ini. Dan mengambil maklum bahawa, aktiviti perikanan dan ekonomi telah secara perlahan mengancam kepelbagaian ekomarin ini dan memerlukan usaha konkrit untuk pemuliharaan dan penjagaan.Maka Dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menjadikan ketiga-tiga kawasan ini sebagai kawasan pemuliharaan bagi melindungi sistem eko dan bio marin kawasan ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

7. PR-1252-U50665
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbincangkan langkah-langkah dan peruntukan tahunan yang diperlu untuk memastikan keselamatan negara. Bahawa Dewan juga memperbahaskan cara-cara yang diperlukan untuk menentukan langkah-langkah tersebut tidak boleh disalahgunakan."

(Menteri Dalam Negeri)

8. PR-1252-U50666
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendiskusikan keadaan dadah di Malaysia termasuk matlamat untuk mencapai tahap bebas dadah pada 2015. Bahawa Dewan juga mendebatkan kaedah yang berkesan untuk membanteraskan wabak dadah di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

9. PR-1252-U49764
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai ketetapan rakyat khasnya di Sabah agar ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dengan pengeluaran dokumen kerakyatan Malaysia kepada rakyat-rakyat asing yang bermastautin di Sabah secara berleluasa sehingga telah mengakibatkan pertambahan penduduk yang begitu tinggi dengan kadar mencecah 390% dalam masa 40 tahun (1970-2010) demi kedaulatan Negara"

(Perdana Menteri)

10. PR-1252-U49765
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan menetapkan supaya harga runcit barangan keperluan harian dapat diseragamkan agar semua rakyat mendapat manfaat konsep 1Malaysia tanpa ada perbezaan baik di Wilayah Persekutuan mahupun di negeri-negeri. Sayugia, dengan keadaan yang ada pada masa kini, jelas tidak mencerminkan keseragaman taraf hidup yang sama rata dengan slogan rakyat didahulukan dan pencapaian bersama diutamakan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

11. PR-1252-U49766
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dengan seriusnya supaya kelulusan senantiasa diutamakan dalam semua bidang pelaksanaan serta pendapatan khasnya kepada pemimpin atasan memandangkan terlalu rendah kepada rakyat biasa dan golongan sederhana. Perbezaan ruang yang jauh ketara dalam kedudukan pemimpin dengan pendapatan tinggi dapat dilihat jurang perbezaannya maka hal ini haruslah diguna sebagai kayu ukuran taraf kehidupan seseorang."

(Perdana Menteri)

12. PR-1252-U49895
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

13. PR-1252-U49523
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa gaji minima untuk setiap pekerja patut dan tidak boleh kurang dari RM1,100 setiap bulan dan Kementerian Sumber Manusia perlu implemantiskannya dengan kadar segera."

(Menteri Sumber Manusia)

14. PR-1252-U49458
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengaji semula kadar bayaran insuran ke atas kenderaan motorsikal yang sedia ada bagi meringankan beban hidup masyarakat terutamanya di luar bandar kerana motorsikal merupakah sesuatu kemudahan yang diperlukan."

(Menteri Kewangan)

15. PR-1252-U49459
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang hari bekerja."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

16. PR-1252-U49460
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

17. PR-1252-U49461
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambahnilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahkan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen Minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

18. PR-1252-U49972
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan adakah kandungan dan kualiti alat solek/kosmetik serta pil-pil pelangsingan badan yang pelbagai jenama dari dalam dan luar negara yang dijual di pasaran kini diluluskan oleh pihak berkuasa".

(Menteri Kesihatan)

19. PR-1252-U49973
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan sejauh manakah berkesannya kempen hari Sabtu Tanpa Beg Plastik di pasaraya-pasaraya terhadap pengurangan penggunaan beg plastik dan kesedaran orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik yang mengakibatkan ancaman terhadap alam sekitar".

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

20. PR-1252-U49974
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk memberi lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum untuk menjawat jawatan di dalam sektor awam untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan."

(Perdana Menteri)

21. PR-1252-U49976
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar mengenai agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat memupuk rasa saling hormat menghormati antara kaum dan isu-isu perkauman dapat dihindari."

(Menteri Pelajaran)

22. PR-1252-U49978
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan Wifi di seluruh negara dengan harga yang rendah atau berpatutan supaya semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menggunakan internet dan menambahkan pengetahuan mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

23. PR-1252-U49979
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan menbekalkan gas bagi mengalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

24. PR-1252-U49982
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan bahawa kesemua rakyat yang mempunyai kad OKU (Orang Kurang Upaya) boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat secara automatik dan limit minima bantuan kewangan dapat ditambah kepada RM 500 sebulan memandangkan kosa sara hidup yang semakin hari semakin meningkat."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

25. PR-1252-U49987
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menubuhkan kursus atau kelas khas bagi ahli-ahli sukan di negara ini untuk mendidik mereka berintegriti, mempunyai nilai budaya yang tinggi, mempunyai semangat patriotik, kesukanan dan tanggungjawab untuk membasmi isu rasuah sukan."

(Menteri Belia dan Sukan)

26. PR-1252-U49989
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan cara-cara untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap isu perubahan iklim dan pemanasan global dan cara-cara untuk mengatasinya serta kesannya terhadap alam sekitar dan kehidupan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

27. PR-1252-U49993
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing di negara ini memandangkan gaji minima sekarang adalah RM 900 dan warga Malaysia sanggup bekerja dengan gaji minima tersebut. Kehadiran pekerja asing kini tidak terkawal menyebabkan peluang pekerjaan warga tempatan tergugat dan masalah sosial dan jenayah oleh pekerja asing meningkat."

(Menteri Sumber Manusia)

28. PR-1252-U50790
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

29. PR-1252-U49264
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan melarang anasir/golongan yang mengamalkan ajaran sesat, budaya, amalan serta tabiat songsang daripada menjadi ahli Dewan Rakyat:

1. Sebagai negara Islam yang mengamalkan nilai-nilai murni sudah tiba masanya Perlembagaan negara kita diperkukuhkan lagi demi masa depan anak-anak kita.

2. Ancaman budaya songsang adalah benar dan nyata. Jika dilihat di beberapa negara Barat, golongan yang mengamalkan budaya songsang telah menerap masuk ke dalam sistem pentadbiran negara dan mencorak dasar Kerajaan.

3. Mungkin sudah ada masyarakat Barat yang sanggup dipimpin oleh golongan gay atau lesbian tetapi apakah kita di Malaysia sanggup.

4. Saya mencadangkan agar ahli Dewan Rakyat memandang serius ancaman budaya songsang ini dan membuat ketetapan serta apa-apa pindaan undang-undang yang perlu untuk melarang anak-anak kita daripada dilanda musibah di masa hadapan.

5. Saya tidak ingin merujuk pada mana-mana individu, yang hidup ataupun yang belum mati, tetapi kita tidak boleh membiarkan Dewan Rakyat yang mulia dicemarkan golongan yang songsang.

6. Saya pasti bukan saja Islam, malah semua agama yang diiktiraf di dunia ini melarang amalan-amalan songsang yang diterma sebagai - LGBT .

7. LGBT adalah ancaman kepada masyarakat Malaysia yang beragama dan berpegang kepada nilai-nilai murni yang diwarisi turun-temurun.

8. Saya pasti tidak ada satu pun bangsa di dalam negara kita ini yang ingin dipimpin oleh golongan songsang ini.

9. Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Dewan Rakyat, yang dipilih rakyat untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keselamatan negara ini, menyokong usul untuk memperkukuhkan teras kita sebagai sebuah negara yang bertamadun. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

30. PR-1252-U50169
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 dimana Negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Morotarium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

31. PR-1252-U50171
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya.Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

32. PR-1252-U50172
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis.Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalah gunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 20.6.2012 (Rabu)	1. YB Tuan Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah)	1. Isu Perbezaan Harga Padi Antara Kawasan Penanaman Padi.	1. YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
2. 20.6.2012 (Rabu)	2. YB Tuan Kula Segaran (Ipoh Barat)	2. Bestino-Bank Negara Mesti Bertindak.	2. YAB Menteri Kewangan